



Ahli Kumpulan UEM 

KOD ETIKA

Untuk Pekerja CIMA

Etika | Integriti | Kebertanggungjawaban

Bersama
Kami Patuh
Together We Comply



NILAI

“Kami sentiasa meningkatkan *DAYA USAHA* dan mengamalkan *KERJA BERKUMPULAN*, *BERINTEGRITI* dan *BERSEMANGAT* dalam meraih *KEJAYAAN*”

1 DAYA USAHA

Kami berdaya usaha dan berdaya saing dengan penetapan minda ke arah mewujudkan nilai yang lebih baik untuk kesemua pihak berkepentingan kami.

2 KERJA BERKUMPULAN

Kami mengamalkan kerja berkumpulan, saling menghormati, komunikasi terbuka dan pemeraksanaan di samping menghayati kepelbagaian dan keterangkuman bagi memupuk kerjasama dalam dan luar syarikat.

3 BERINTEGRITI

Kami berpegang teguh pada tingkah laku beretika dan profesional dengan menetapkan piawaian yang tinggi untuk integriti, kejujuran dan amanah.

4 BERSEMANGAT

Kami bersemangat, bermotivasi, cekap dan komited untuk meluaskan pengetahuan dan meningkatkan kemahiran bagi meraih pencapaian peribadi serta melakar kecemerlangan.

5 KEJAYAAN

Kami meraih kejayaan dengan melangkaui sempadan, berfikir secara kreatif dengan cetusan idea dan penyelesaian yang inovatif.

KOD 1



DI TEMPAT KERJA

1. Budaya Kerja
2. Konflik Kepentingan



PERATURAN

1. Anti-Persaingan
2. Privasi & Perlindungan Data
3. Harta Intelek & Maklumat Sulit
4. Pengubahan Wang Haram & Pembiayaan Aktiviti Keganasan

KOD 2

KOD 3



BERURUSAN DENGAN PIHAK LUAR YANG BERKEPENTINGAN

1. Rasuah & Korupsi
2. Hadiah & Hiburan Perniagaan
3. Berurusan dengan Pegawai Kerajaan & Pihak Berkuasa Tempatan
4. Berurusan dengan Pembekal & Rakan Perniagaan

Kod Etika



TUJUAN

Pelanggan, rakan perniagaan, masyarakat, pihak berkuasa dan pihak berkepentingan mengharapkan kita sebagai rakan yang berwibawa. Begitu juga dengan ekosistem perniagaan yang dibina atas dasar kepercayaan.

Kod Etika Kumpulan CIMA ('Kod Etika') merupakan pernyataan pendirian kita dalam membina kepercayaan ini setiap hari dalam ekosistem perniagaan dan juga menggariskan piawaian tingkahlaku beretika dalam setiap urusan kita.

SKOP

Kod Etika ini menggariskan piawaian tingkahlaku beretika bersama kenyataan polisi penting.

Kod Etika ini menerangkan tanggungjawab pekerja dan tanggungjawab mereka untuk melaporkan sebarang potensi pelanggaran dan memberikan kerjasama dalam apa jua siasatan.

Dokumen ini mestilah dibaca bersama **Buku Panduan Pekerja** (*Employee Handbook*).

KEBOLEHGUNAAN

Kod Etika ini terpakai kepada Pengarah, Pegawai dan Pekerja - Kumpulan CIMA ('CIMA'), termasuk Anak Syarikat, Syarikat Operasi dan Syarikat Gabungan.

CIMA akan berusaha keras untuk memastikan pihak ketiga dan pihak berkepentingan seperti kontraktor, perunding, ejen, pembekal, rakan perniagaan dan pertubuhan tidak berasaskan keuntungan untuk mematuhi Kod Etika ini.

KOD ETIKA INI HENDAKLAH DIBACA DENGAN CARA BERIKUT:

Prinsip perniagaan sebagai panduan kerja

Panduan untuk mematuhi keperluan asas

'LAKUKAN'

Berwaspada dengan contoh yang harus dielakkan dalam pekerjaan kita

'ELAKKAN'

KOD 1



DI TEMPAT KERJA

01 Budaya Kerja

02 Konflik Kepentingan

APA YANG PERLU KITA

TAHU & LAKUKAN

Giat Berusaha

- Fahami dan nilaikan risiko dan peluang perniagaan / pematuhan untuk memastikan perniagaan yang lestari.

Kerja Berpasukan

- Hormati antara satu sama lain dan bekerja dalam satu pasukan.

Integriti

- Buat keputusan yang beretika dan laksanakan dengan integriti.
- Bertanggungjawab untuk memastikan suasana bekerja yang sihat dan selamat untuk semua.

Minat yang mendalam

- Bersungguh-sungguh melakukan kerja yang betul, walaupun dalam keadaan yang sukar.

Kejayaan

- Hormati kepelbagaian dan raikan kejayaan kita bersama.



Memastikan nilai-nilai dan tingkahlaku terpuji dalam membina kepercayaan di tempat kerja.



APA YANG PERLU KITA

WASPADA & ELAKKAN

- Pengabaian terhadap risiko perniagaan atau pematuhan tanpa mengambil langkah yang sesuai untuk menguruskan risiko tersebut.
- Diskriminasi terhadap jantina, kaum, kelainan upaya, kewarganegaraan, agama dan umur.
- Perlakuan yang tidak disenangi secara lisan, psikologi secara visual, fizikal atau perlakuan lain yang menakutkan, menyerang atau bersifat agresif.
- Tidak mematuhi undang-undang keselamatan, prosedur kerja, papan tanda keselamatan dan keperluan peralatan keselamatan.
- Perilaku tidak bermoral dan kegiatan jenayah seperti berjudi, kelakuan tidak senonoh, menonton atau menyimpan bahan lucah, mengugut dan bertindak ganas serta memiliki barangan yang melanggar undang-undang.
- Penyalahgunaan bahan yang berbahaya dan memudaratkan termasuk alkohol dan ubatan haram yang boleh menjejaskan kesihatan dan produktiviti di tempat kerja.
- Membuat keputusan tidak beretika yang menyebabkan gangguan kepada operasi dan meletakkan CIMA dalam risiko.

APA YANG PERLU KITA

TAHU & LAKUKAN

- Membuat keputusan perniagaan yang dapat memberikan pulangan yang terbaik kepada CIMA. Elakkan daripada terlibat dalam situasi yang menimbulkan konflik kepentingan sama ada yang sah atau berpotensi untuk berlaku.
- Konflik kepentingan timbul apabila berlakunya pertembungan antara kepentingan CIMA dengan kepentingan peribadi.
- Semua Ahli Lembaga Pengarah dan pekerja mesti mengisytiharkan konflik kepentingan yang ada ketika menyertai CIMA, pada setiap tahun dan apabila timbul sesuatu konflik kepentingan yang baharu.
- Sekiranya mendapati diri anda terlibat dalam konflik kepentingan sebelum pengisytiharan tahunan, pastikan anda mengisytiharkannya secara bertulis dalam masa lima (5) hari bekerja.
- Kita mesti elakkan daripada terlibat dalam proses membuat keputusan atau terbabit dalam aktiviti yang menghalang kita daripada melakukan yang terbaik untuk CIMA.



Kita bertindak untuk kepentingan CIMA dan mengelakkan aktiviti-aktiviti yang boleh merosakkan reputasi CIMA. Kita akan segera mengisytiharkan apa-apa konflik kepentingan yang boleh menjejaskan proses membuat keputusan.



APA YANG PERLU KITA

WASPADA & ELAKKAN

- Membuat atau mempengaruhi keputusan yang menjurus kepada kepentingan diri atau keluarga, rakan atau mereka yang bersekutu dengan kita, melebihi kepentingan CIMA.
- Menubuhkan atau bekerja dengan syarikat yang bersaing secara langsung dengan CIMA (seperti menawarkan servis yang sama atau kepada pelanggan yang sama), ketika bekerja sepenuh masa dengan CIMA.
- Terlibat secara langsung atau tidak, dalam apa jua bentuk pekerjaan, walaupun secara sambilan.
- Menggajikan atau menyelia pekerja yang mempunyai hubungan keluarga atau rapat dengan anda.
- Menggunakan sumber, harta intelek atau maklumat sulit CIMA untuk faedah diri atau keluarga.
- Menjawat jawatan pegawai atau pengarah dalam organisasi bukan berorientasi keuntungan yang mungkin menerima dana atau bantuan daripada CIMA.
- Terlibat dalam perlakuan yang boleh memberikan kelebihan yang tidak wajar kepada pihak luar dalam urusan dengan CIMA.

KOD 2



PERATURAN

- 01 Anti-Persaingan
- 02 Privasi & Perlindungan Data
- 03 Harta Intelek & Maklumat Sulit
- 04 Pengubahan Wang Haram & Pembiayaan Aktiviti Keganasan

APA YANG PERLU KITA

TAHU & LAKUKAN

- Kita mesti mendapat kelebihan daya saing secara sah di sisi undang-undang untuk kejayaan CIMA.
- Syarikat-syarikat yang dominan tidak sepatutnya menyalahgunakan kedudukan mereka. Kita harus mempunyai prosedur yang tertentu sekiranya kita dilihat sebagai dominan dalam pasaran.
- Kita bertanggungjawab untuk memahami dan mematuhi Akta Persaingan 2010 dan lain-lain undang-undang yang berkaitan.



Kita berhasrat untuk bersaing secara adil dalam pasaran dan kita komited untuk mematuhi undang-undang persaingan di mana jua kita beroperasi



APA YANG PERLU KITA

WASPADA & ELAKKAN

- Terlibat dalam urusan eksklusif atau perjanjian yang anti-persaingan untuk mengelakkan, menyekat atau mengganggu persaingan dalam pasaran.
- Menipu dalam bidaan atau boikot.
- Mengenakan harga belian yang tidak adil atau lain-lain syarat perniagaan yang tidak adil sama ada secara langsung atau tidak, kepada mana-mana pembekal atau pelanggan.
- Enggan untuk membekalkan ke sesuatu syarikat atau kumpulan syarikat tertentu.
- Menghalang pasaran baru atau pengembangan atau pelaburan oleh syarikat pesaing.
- Memaksa syarikat pesaing keluar dari pasaran.

APA YANG PERLU KITA

TAHU & LAKUKAN

- Kita menghormati privasi dan melindungi data peribadi yang diperolehi dengan kebenaran untuk kegunaan urusan perniagaan, sebagaimana yang dikehendaki oleh Akta Perlindungan Data 2010 (PDPA).
- Kita mesti berusaha untuk memastikan ketepatan data peribadi dan dikemaskini.
- Kita mesti memastikan data yang kita kumpul, guna dan simpan adalah di tahap yang minimum, sekadar yang diperlukan untuk kegunaan urusan perniagaan. Pendedahan data hanya dilakukan sekiranya perlu.
- Berhati-hati ketika memindahkan data peribadi kepada pihak ketiga, untuk mengelakkan risiko kepada individu yang terlibat. Sekiranya keizinan diperlukan di bawah undang-undang tempatan, kita mesti mendapatkan keizinan tersebut.
- Kita mesti memastikan semua data peribadi dimusnahkan sekiranya ianya tidak diperlukan lagi, mengikut polisi penyimpanan data CIMA.



Kita menghormati privasi dan melindungi data peribadi daripada penggunaan yang tidak dibenarkan atau pendedahan secara tidak wajar



APA YANG PERLU KITA

WASPADA & ELAKKAN

- Mendapatkan, menyimpan, memindahkan atau menggunakan data peribadi tanpa tujuan yang sah.
- Tidak mematuhi undang-undang data peribadi ketika memindahkan data di bawah bidang kuasa di luar Malaysia.
- Data peribadi yang tidak penting tidak dicariik (*being shredded*) atau dimusnahkan.
- Prosedur yang tidak sesuai untuk memindahkan, memproses atau menyimpan data peribadi dalam suasana terkawal.
- Membiarkan data peribadi, pekerja, pelanggan dan vendor di mesin pencetak, 'server' yang dikongsi atau kawasan awam.
- Mendedahkan data peribadi kepada individu atau organisasi yang tidak berkenaan.

APA YANG PERLU KITA

TAHU & LAKUKAN

- Kita komited untuk melindungi harta intelek seperti tanda niaga, hak cipta, paten, rahsia perdagangan dan maklumat lain.
- Kita menghormati harta intelek pelanggan, rakan perniagaan, pesaing dan pihak luar yang lain.
- Kita mesti menjaga maklumat sulit CIMA dan kita hanya dibenarkan untuk mendedahkan maklumat sulit kepada pihak ketiga yang telah menandatangani Perjanjian Tidak Boleh Dedah (*Non-Disclosure Agreement*)
- Kita komited untuk mengamalkan 'Meja Bersih' dan memastikan meja kita bebas daripada sebarang dokumen sensitif pada setiap masa.
- Ketika tamat waktu bekerja dan ada urusan di luar pejabat, pastikan semua maklumat sulit disimpan dalam bentuk '*hardcopy*' atau format elektronik yang terpelihara.
- Kita mematuhi semua undang-undang berkaitan dengan dagangan dalaman (*insider trading*) dan penyalahgunaan pasaran sekuriti.



Pelaburan kita dalam harta intelek adalah aset yang berharga dan kita melindunginya secara aktif.

Kita menghormati harta intelek yang sah dan maklumat sulit pihak berkepentingan dalam ekosistem perniagaan.



APA YANG PERLU KITA

WASPADA & ELAKKAN

- Penggunaan alatan yang disyaki boleh mencabuli harta intelek pihak lain.
- Memberikan lesen, hak atau akses kepada harta intelek CIMA atau maklumat lain tanpa kebenaran.
- Mendedahkan, menyatakan atau membincangkan maklumat sulit CIMA dengan pihak luar, di tempat awam atau media sosial.
- Meninggalkan maklumat sulit tanpa diawasi atau disimpan, termasuk meninggalkan komputer riba syarikat di dalam pejabat atau tempat awam.
- Berkongsi kata laluan (*password*) dengan rakan sekerja atau pihak luar.
- Terlibat dalam dagangan dalaman (*insider trading*) atau menggunakan maklumat sulit syarikat yang diperolehi ketika menjalankan kerja untuk kegunaan peribadi atau pihak lain.
- Melibatkan diri dalam menyebarkan maklumat palsu atau aktiviti manipulasi pasaran.
- Menyimpan maklumat sulit CIMA selepas berhenti kerja.

APA YANG PERLU KITA

TAHU & LAKUKAN

- Kita komited untuk mematuhi Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 ('AMLATFA').
- Kita mesti mengamalkan ketelitian wajar (*due diligence*) untuk memahami perniagaan dan latar belakang rakan perniagaan kita.
- Kita tidak akan terlibat dalam sebarang aktiviti pengubahan wang haram dan pembiayaan aktiviti keganasan.



Pengubahan wang haram dan pembiayaan aktiviti keganasan adalah jenayah kewangan yang memberikan kesan negatif kepada ekonomi.

Kita mengambil langkah yang berpatutan untuk mengesan dan mencegah pengubahan wang haram dan pembiayaan aktiviti keganasan



APA YANG PERLU KITA

WASPADA & ELAKKAN

- Amaran awal (*red flags*) berkenaan reputasi pihak ketiga.
- Pihak ketiga yang enggan memberikan maklumat lanjut berkenaan perniagaan mereka.
- Kegagalan untuk mengesahkan dokumen ketika proses ketelitian wajar (*due diligence*).
- Dokumen palsu yang dikemukakan oleh pihak ketiga.
- Transaksi / dana yang mencurigakan dari lokasi yang diragui.
- Permintaan luar biasa untuk memecahkan bayaran (*split payments*) transaksi penuh.
- Transaksi yang luar biasa dan tidak telus.
- Transaksi yang dijalankan secara tanpa bersemuka.
- Penerima dana yang tidak jelas dan tidak melibatkan pihak yang sebenar.
- Transaksi tunai yang besar.

KOD 3



BERURUSAN DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN

- 01 **Rasuah & Korupsi**
- 02 **Hadiah & Hiburan Perniagaan**
- 03 **Berurusan dengan Pegawai Kerajaan & Pihak Berkuasa Tempatan**
- 04 **Berurusan dengan Pembekal & Rakan Perniagaan**

APA YANG PERLU KITA

TAHU & LAKUKAN

- Kita menjalinkan hubungan perniagaan yang bebas daripada unsur rasuah dan korupsi.
- Kita dan Rakan Perniagaan mesti mematuhi undang-undang Anti Rasuah dan Anti Korupsi.
- Kita mestilah tidak menawarkan atau menerima rasuah atau sogokan dan tidak melibatkan diri atau mengendalikannya sebarang aktiviti yang korup.
- Kita tidak membenarkan 'wang pelicin / komisen' (*facilitation payment*) untuk mendapatkan akses atau melaksanakan fungsi yang rutin.
- Keperluan yang digariskan dalam seksyen ini adalah terpakai kepada semua pihak yang berkepentingan.
- Sekiranya kita ingin menyuarakan kebimbangan atau berasa khuatir mengenai sebarang isu Integriti, sila hubungi Ketua Jabatan Tadbir Urus, Risiko dan Pematuhan.



Polisi kita adalah melaksanakan urusan perniagaan dengan jujur dan beretika. Kita tidak akan bertolak ansur terhadap rasuah dan korupsi.



APA YANG PERLU KITA

WASPADA & ELAKKAN

- Menawarkan atau menerima rasuah sama ada dalam bentuk wang tunai atau bukan tunai, sebagai pendorong untuk mendapatkan kelebihan dari segi komersil, kontrak, penguatkuasaan undang-undang dan / atau kepentingan persendirian, seperti:
 - Layanan baik
 - Hiburan
 - Hadiah seperti aksesori, barang kemas dan gajet yang berjenama
 - Pakej percutian dan perjalanan
 - Kapal persiaran
 - Tiket ke acara sukan
 - Saham / sekuriti
 - Pelupusan hutang
 - Diskaun istimewa
 - Terma dan syarat 'istimewa' dalam kontrak
 - Pemeriksaan perubatan di hospital tersohor
- Menawarkan 'wang pelicin' sebagai insentif kepada agensi penguatkuasaan untuk menyempurnakan tugas atau mempercepatkan proses.
- Menawarkan peluang perniagaan atau pekerjaan untuk kepentingan sendiri atau pihak ketiga sebelum pengurniaan kontrak.

APA YANG PERLU KITA

TAHU & LAKUKAN

- Kita komited terhadap '**Polisi Tiada Hadiah**'. Kita tidak menerima atau memberi hadiah.
- Kita dan ahli keluarga kita mestilah tidak menerima apa jua bentuk hadiah, sokongan, ganjaran atau sogokan daripada vendor, kontraktor, pembekal, pelanggan atau lain-lain pihak yang sedang berkhidmat atau berpotensi untuk diambil berkhidmat.
- Kita boleh menerima atau menawarkan:
 - Jamuan yang sederhana dan berpatutan ketika berurusan dengan pihak luar berdasarkan sebab perniagaan yang sah.
 - Cenderahati yang tidak mahal selepas sesi pembentangan atau ceramah
- Kakitangan yang paling kanan yang hadir, mestilah membuat bayaran untuk jamuan perniagaan.



Sebarang keputusan perniagaan kita tidak seharusnya bergantung kepada hadiah atau hiburan perniagaan yang ditawarkan menerusi hubungan perniagaan. Kita tidak akan menerima atau meminta sebarang hadiah dan hiburan perniagaan daripada pihak ketiga.



APA YANG PERLU KITA

WASPADA & ELAKKAN

- Memberi atau menerima wang tunai atau apa jua bentuk hadiah.
- Menerima jamuan atau hiburan yang mewah atau percutian yang ditaja daripada vendor, kontraktor, pembekal, pelanggan atau agensi kerajaan yang sedang berkhidmat atau berpotensi untuk diambil berkhidmat.
- Menerima perkhidmatan peribadi yang boleh meletakkan diri kita dalam situasi konflik kepentingan atau mempengaruhi keputusan kita.
- Meminta hadiah, layanan atau percutian untuk diri kita daripada wakil rakan perniagaan, ejen atau sub-kontraktor.
- Menerima atau menawarkan produk / perkhidmatan pada kadar diskaun yang tidak ditawarkan kepada khalayak umum.
- Memberi sumbangan kepada badan kebajikan atau organisasi yang boleh mempengaruhi keputusan dalam urusan perniagaan kita.

APA YANG PERLU KITA**TAHU & LAKUKAN**

- Kita komited untuk melindungi kepentingan CIMA secara telus dan mematuhi undang-undang apabila berurusan dengan jabatan kerajaan dan pihak berkuasa tempatan.
- Kita mematuhi semua undang-undang dan peraturan di semua negara di mana kita beroperasi.
- Kakitangan boleh menyertai politik atas kapasiti kecenderungan, kemahuan, masa dan sumber peribadi. Pendapat mengenai politik adalah pendirian individu dan tidak sama sekali mewakili CIMA.
- Kakitangan yang ingin memegang jawatan dalam parti politik mestilah membuat perisytiharan dan mendapatkan kebenaran daripada Ketua Jabatan Sumber Manusia & Pentadbiran.



Apabila berurusan dengan pegawai kerajaan, kita akan mematuhi piawaian etika yang tinggi dan bertindak secara telus di samping mengekalkan hubungan kerja yang baik.



APA YANG PERLU KITA

WASPADA & ELAKKAN

- Tidak menyalurkan maklumat kepada pegawai kerajaan apabila mereka mempunyai hak ke atas maklumat tersebut selaras dengan undang-undang tempatan dan prosedur.
- Menghulurkan derma kepada badan kebajikan atau organisasi yang mungkin berkaitan dengan pegawai kerajaan.
- Membayar 'wang pelicin' untuk pelepasan segera untuk barangan dan perkhidmatan.
- Memberi kuasa kepada pihak ketiga untuk melakukan pembayaran bagi mempercepatkan perkhidmatan bagi pihak kita.
- Tidak mematuhi proses perolehan awam atau tender.
- Menawarkan hadiah, layanan, hiburan atau percutian kepada pegawai kerajaan atau keluarga mereka melampaui polisi dan prosedur CIMA.

APA YANG PERLU KITA

TAHU & LAKUKAN

- Kita akan hanya berurusan dengan pihak ketiga sekiranya mempunyai keperluan perniagaan yang tulen dan hanya dalam amaun yang berpatutan.
- Kita hanya berurusan dengan pembekal dan rakan perniagaan yang berkongsi nilai dan komitmen dalam etika dan integriti, serta mematuhi polisi kita dan keperluan undang-undang.
- Kita melaksanakan ketelitian wajar (*due diligence*) untuk memahami perniagaan dan latar belakang pembekal dan rakan perniagaan kita sebelum dilantik.
- Adalah penting untuk kita memilih atau berurusan dengan pembekal dan rakan perniagaan yang tidak akan menjerat kita dalam risiko reputasi yang buruk kepada CIMA.
- Kita bertanggungjawab atas kerja atau perkhidmatan yang dilaksanakan oleh pembekal atau rakan perniagaan kita.



Kita mahu bekerja dengan pembekal dan rakan perniagaan yang mempunyai nilai dan piawaian etika yang setara dengan kita.



APA YANG PERLU KITA

WASPADA & ELAKKAN

- Pembekal atau rakan perniagaan yang terbabit dalam aktiviti rasuah.
- Pembekal atau rakan perniagaan yang dilantik tanpa proses pemilihan dan penelitian yang sewajarnya.
- Pembekal atau rakan perniagaan yang menentang piawaian dan keperluan kita, seperti Kod Etika, Garis Panduan Anti-Rasuah dan Polisi Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar CIMA.
- Pembekal dan rakan perniagaan yang tidak menangani kebimbangan, mengambil langkah pembaikan secara proaktif atau tidak melaporkan hasil dapatan audit secara berkala.
- Pembekal dan rakan perniagaan yang dimiliki atau dikawal oleh pegawai kerajaan yang mendakwa bahawa ia dapat mempengaruhi secara tidak wajar terhadap keputusan kerajaan dan / atau pegawainya.

MENYUARAKAN KEBIMBANGAN

- Anda disarankan untuk menyuarkan kebimbangan sekiranya anda mengetahui tentang kemungkinan atau mengesyaki pelanggaran Kod Etika atau dasar atau undang-undang dan peraturan yang berkenaan.
- Pelanggaran Kod Etika akan menghakis kepercayaan yang kita bina dengan pemegang saham, pelanggan dan pihak berkepentingan yang lain.
- Dengan menyuarkan kebimbangan dengan segera, anda telah mengambil tindakan yang wajar untuk menangani punca-punca ketidakpatuhan dan menguruskan risiko reputasi CIMA.
- CIMA tidak akan bertolak ansur dengan apa-apa tindakan balas dendam terhadap pekerja yang menyuarkan kebimbangan dengan suci hati.

LAPORKAN KEBIMBANGAN ANDA



Sistem Laporan Atas Talian (*online*) melalui **Secured Postbox**;

Welcome to Secured Postbox



Emel kepada whistleblower@cima.com.my



Secara bertulis kepada **Pengerusi Jawatankuasa Audit & Risiko Lembaga Pengarah CIMA**, sama ada menerusi **emel** kepada arc.chairman@cima.com.my atau melalui **surat** yang dihantar melalui **Setiausaha Syarikat (Company Secretary)**